

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL
KAWASAN : SUNGAI PETANI
TARIKH : 18 JUN 2014, RABU

SOALAN:

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) berapakah kos membina Lebuhraya PLUS; dan
- (b) sejak kutipan tol dilakukan berapa jumlah kutipan mengikut tahun dan bilakah konsesi bagi mengutip tol tamat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuh Raya Utara – Selatan sepanjang 823km telah mula dibina pada tahun 1989 dan siap keseluruhannya pada tahun 1994. Kos pembinaan projek ini ditanggung oleh syarikat konsesi PLUS Berhad, iaitu sebanyak RM5.94 bilion. Manakala kos pengambilan tanah pula ditanggung oleh pihak Kerajaan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol di Lebuh Raya Utara – Selatan sejak mula beroperasi hingga 31 Disember 2012 ialah sebanyak RM28.3 bilion. Sebahagian besar hasil kutipan tol ini atau hampir 90% digunakan untuk membayar semula pinjaman kepada institusi kewangan, melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan serta menaik taraf lebuh raya.

Berdasarkan kepada perjanjian konsesi tambahan PLUS yang ditandatangani pada bulan November 2011, tempoh konsesi tol untuk semua lebuh raya di bawah kendalian pihak PLUS, termasuk Lebuh Raya Utara – Selatan akan tamat pada 31 Disember 2038.

Sekian. Terima kasih.